

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA
MENTERI menyatakan kesan sasaran Program Transformasi Nasional
akibat kejatuhan harga minyak dan nilai ringgit Malaysia dan apakah
langkah Kerajaan bagi memastikan segala perancangan ini berjaya.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran di bawah Program Transformasi Nasional berikutan penurunan harga minyak dan kejatuhan nilai mata wang berbanding dolar Amerika Syarikat tidak akan dikaji semula. Sasaran utara benar (*true north*) program Transformasi Ekonomi (ETP) pada tahun 2020 tetap kekal di mana pendapatan negara kasar (PNK) per kapita adalah sebanyak AS\$15,000, pelaburan berjumlah AS\$444 bilion dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan baru.

Seperti yang sedia maklum, ETP adalah berlandaskan kepada kepelbagaian ekonomi dan tidak hanya fokus kepada sumber komoditi semata-mata. Di bawah ETP, 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) telah dikenal pasti sebagai sektor ekonomi utama termasuk sektor perkhidmatan, pertanian serta sektor minyak, gas dan tenaga.

Pada masa ini, sektor perlombongan termasuklah sektor minyak dan gas dan sektor pertanian yang dahulu menyumbang 26.9% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 1997, kini menyumbang hanya 18.2% kepada KDNK pada tahun 2014. Ekonomi negara kita kini dipacu oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 53.5% dan sektor pembuatan yang kini menyumbang 23% kepada KDNK.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dunia dan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari semasa ke semasa bagi mengekalkan pertumbuhan yang mampan. Di samping itu, Kerajaan akan terus mengawasi dan memantau projek-projek yang telah dikenal pasti di dalam Program Transformasi Ekonomi.

Sebagai langkah proaktif, kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi pada 26 Ogos 2015 yang bertujuan untuk memastikan kestabilan ekonomi negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan. Pada 14 September 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa langkah bagi menangani suasana ekonomi global yang tidak menentu dan berpotensi memberi impak yang negatif kepada ekonomi Malaysia. Langkah-langkah tersebut adalah untuk menstabilkan pasaran kewangan, untuk menyokong aktiviti perniagaan, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan integriti institusi.

Sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan juga telah mengumumkan pelbagai strategi jangka sederhana dan jangka panjang di Dewan yang mulia ini pada bulan Mei yang lepas semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas. Strategi-strategi tersebut adalah untuk mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi ke arah pembangunan yang *inclusive*. Ini termasuklah:

1. meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan yang mampan;
2. meningkatkan pembangunan modal insan termasuk mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional ataupun (TVET);

3. menggalakkan pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
4. meningkatkan eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;
5. meningkatkan fleksibiliti dan dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan
6. meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuklah meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada langkah dan strategi tersebut dan langkah-langkah yang akan diperkenalkan dari semasa ke semasa, Kerajaan yakin negara kita berada di landasan untuk mencapai sasaran Program Transformasi Nasional ke arah mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Terima kasih.